

# Kawasan rekreasi di hutan simpan kekal Johor tutup sementara

**JOHOR BAHRU** – Johor mengambil keputusan untuk menutup sementara Taman Eko Rimba, trek pendakian dan laluan kenderaan 4x4 melibatkan Hutan Simpan Kekal seluruh negeri, bermula semalam.

Pengarah Jabatan Perhutanan

Negeri Johor (JPNJ), Datuk Salim Aman berkata, penutupan itu dibuat sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelak sebarang kejadian atau kemalangan tidak diingini berlaku ketika musim tengkujuh ini.

Menurut beliau, penutupan

itu dibuat sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

“Taman eko, trek pendakian dan laluan kenderaan 4x4 dalam hutan simpan seluruh negeri ini akan ditutup kepada pengunjung awam.

“Ia sebagai langkah awal berjaga-jaga bagi mengelakkan kejadian buruk ketika musim hujan atau tengkujuh.

“Sebarang pelanggaran terhadap arahan itu akan diambil tindakan di bawah Enakman Perhutanan Negara (pemakaian)

1985 negeri Johor,” katanya ketika dihubungi pemberita, di sini semalam.

Tambah Salim, notis berguna penutupan kawasan rekreasi berkenaan juga telah dimaklumkan di laman sosial rasmi jabatan.